



**JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA
SOALAN – SOALAN LAZIM
PROGRAM REKALIBRASI TENAGA KERJA**

1. Apakah itu Program Rekalibrasi Tenaga Kerja?

Program Rekalibrasi Tenaga Kerja merupakan suatu program khas untuk meregularisasikan PATI di negara ini sebagai pekerja asing yang sah digajikan oleh majikan yang layak tertakluk kepada syarat-syarat ketat yang diputuskan oleh Kerajaan melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Jabatan Tenaga Kerja Sarawak (JTKS).

2. Siapakah yang layak menyertai Program ini?

KELAYAKAN MAJIKAN

- i. Hanya majikan daripada sektor **perkilangan, pembinaan, pertanian, perladangan, perkhidmatan (pengangkutan, restoran & kedai makan), perlombongan & kuari** dan sektor pembantu rumah asing **SAHAJA**;
- ii. Tertakluk kepada kuota yang diluluskan oleh JTKS;
- iii. Pematuhan kepada syarat-syarat penggajian pekerja asing sedia ada seperti bayaran levi, kelayakan pas dan sebagainya; **DAN**
- iv. Tidak berada dalam Senarai Disyaki dan Senarai Hitam.

KELAYAKAN PATI

Terbuka kepada warga asing seperti berikut:

- i. Pemegang Pas Lawatan Sosial (PLS), Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) termasuk Pembantu Rumah Asing yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 15(1)(c) iaitu tinggal lebih masa di bawah Akta Imigresen 1959/63 pada atau sebelum 31 Disember 2020;
- ii. Pemegang PLKS yang melakukan kesalahan melanggar syarat pas di bawah Peraturan 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 yang pasnya masih sah pada atau sebelum 31 Disember 2020.
- iii. Bukan PATI yang melarikan diri daripada majikan;
- iv. Hanya terdiri daripada 16 negara sumber SAHAJA (Thailand, Kemboja, Nepal, Myanmar, Laos, Vietnam, Filipina, Pakistan, Sri Lanka, Bangladesh, Turksmenistan, Uzbekistan, Kazakhstan, India, Indonesia dan China);
- v. Tidak berada dalam Senarai Disyaki dan Senarai Hitam;
- vi. Mempunyai dokumen perjalanan negara asal yang masih sah laku sekurang-kurangnya 03 bulan dan memperbaharui dokumen perjalanan di Pejabat Kedutaan PATI tersebut setelah mendaftar;
- vii. Mempunyai slip keputusan negatif bagi ujian COVID-19 yang dibuat dalam tempoh tiga (3) hari sebelum tarikh janji temu; DAN
- viii. Telah menjalani saringan pemeriksaan kesihatan dimana PATI diperakui adalah (*Fit To Work*) oleh klinik yang telah diakreditasikan oleh KKM.

3. Berapakah kos yang perlu dibayar bagi program ini?

KADAR BAYARAN		
Wang Cagaran	Fi Rekalibrasi	Lain-lain bayaran
RM 500.00 setiap pekerja asing (pembayaran secara atas talian)	RM 1,500.00 setiap pekerja asing	a. Pemeriksaan kesihatan; b. Levi; i. RM 1010.00 (sektor Perkilangan dan Pembinaan) ii. RM 590.00 (sektor Perladangan) iii. RM 410.00 (sektor Pertanian dan Pembantu Rumah Asing) iv. RM 1490.00 (sektor Perkhidmatan dan Perlombongan & Kuari) c. RM 125.00 (pemprosesan); d. RM 60.00 PLKS; dan e. Visa (mengikut warganegara)

Kaedah pembayaran adalah secara kad kredit dan kad debit **SAHAJA**. Pembayaran secara **TUNAI** tidak diterima.

4. Bilakah jangka masa / tempoh Program ini dilaksanakan?

Program ini dilaksanakan mulai 15 Mac 2021 sehingga 30 Jun 2021.

5. Adakah program ini melibatkan vendor atau pihak ketiga?

Program ini dijalankan sepenuhnya oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) / Jabatan Tenaga Kerja Sarawak (JTKS) tanpa penglibatan vendor atau pihak ketiga.

6. Bagaimana untuk menyertai Program ini?

Majikan boleh mendapatkan maklumat mengenai Program Rekalibrasi Tenaga Kerja dan mendaftar melalui pautan <https://imigresen-online.imi.gov.my/myimms/main>

7. Apakah yang perlu dilakukan oleh majikan?

Majikan boleh mengambil tindakan berikut dalam masa yang sama iaitu;

- **Verifikasi PATI**

JIM akan menghubungi majikan untuk hadir bersama PATI di Bahagian Penguatkuasa JIM bagi urusan seterusnya. Majikan hendaklah mendapatkan dokumen pengesahan verifikasi PATI daripada JIM.

- **Perakuan Rekalibrasi**

Mengemukakan permohonan Rekalibrasi secara atas talian *Monitoring System On The Employment Of Non-Sarawakian (MSEN)* menerusi laman web Jabatan Tenaga Kerja Sarawak (JTKS) melalui laman web msen3.sarawak.gov.my di bawah JTKS.

JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA SARAWAK